

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ANNUAR BIN HAJI MUSA [ KETEREH ]**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2019 [ RABU ]**

**SOALAN NO. 8**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana sasaran yang diletakkan dalam pemilikan rumah mewah oleh warga asing di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak meletakkan sasaran yang khusus bagi pemilikan rumah mewah oleh warga asing. Lambakan rumah mewah yang bernilai RM1 juta dan ke atas ini telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi serta mewujudkan permasalahan sosial di kawasan-kawasan rumah yang kosong serta tidak diduduki.
2. Berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, pada suku kedua 2019, terdapat 4,213 (12.8%) unit rumah mewah yang berharga RM1 juta dan ke atas dengan nilai RM8.3 bilion tidak terjual di negara ini. Sehubungan itu, penjualan rumah mewah kepada warga asing dapat mengurangkan lambakan unit rumah sedia ada serta diharap dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya.
3. Rumah-rumah mewah yang tidak terjual ini boleh dikurangkan melalui mekanisme sedia ada Kerajaan seperti Kempen *Malaysia My Second Home* (MM2H) dengan menjual rumah mewah kepada ekspatriat yang berkelayakan.
4. Selain itu kerajaan juga dalam pengumuman Belanjawan telah menurunkan had milikan warga asing daripada RM1 Juta kepada RM600,000 bagi menangani isu lambakan rumah mewah tidak terjual yang berharga RM1 juta dan ke atas di negara ini.

Sekian, terima kasih.